

Rencana Khas

PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR DI UNIVERSITY OF WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

oleh
SHAIKHA ZAKARIA
Pustakawan Undang-Undang, Universiti Malaya

Saya telah diberi peluang menyertai satu program lawatan sambil belajar di University of Washington School of Law, Seattle, berhubung dengan sains perpustakaan undang-undang khasnya pada penghujung tahun 1981. Pihak Yayasan Asia telah dengan murah hati mengatur dan membayai program tersebut untuk saya selama dua bulan, iaitu pada September dan Oktober 1981. Pihak Universiti Malaya telah memberi saya cuti belajar selama dua bulan untuk menyertai program tersebut.

Objek latihan ini ialah untuk memerhati dan mempelajari sistem administrasi dan proses-proses perpustakaan yang dijalankan di Perpustakaan Undang-undang, University of Washington, iaitu salah sebuah perpustakaan undang-undang yang terbesar di Amerika Syarikat.

Program ini dijalankan secara 'attachment' ke semua bahagian Perpustakaan Undang-undang di University of Washington, termasuk juga perbincangan-perbincangan dengan Ketua Pustakawan dan penyertaan dalam kelas-kelas penyelidikan undang-undang dan mesyuarat-mesyuarat jabatan. Lawatan ke beberapa perpustakaan tempatan telah juga diaturkan untuk saya, iaitu ke Perpustakaan Besar University of Washington, Perpustakaan Undang-undang University of Puget Sound, Tacoma, dan State Law Library di Olympia, Washington.

Perpustakaan Undang-undang University of Washington ada koleksi yang berjumlah lebih dari 350,000 jilid. Angka ini tidak termasuk beribu-ribu lagi dokumen-dokumen Kerajaan Amerika Syarikat, Bangsa-bangsa Bersatu dan judul-judul majalah.

Semasa saya berada di bahagian-bahagian Perpustakaan tersebut saya bukan sahaja dapat memerhati proses-proses administrasi dan aktiviti-aktiviti harian yang dijalankan, tetapi juga dapat menghargai kekayaan bahan-bahan yang ada dalam simpanan Perpustakaan tersebut. Bahan-bahan dari negara-negara asing juga terdapat dalam koleksinya oleh kerana University of Washington memberi penekanan kepada kursus-kursus lepasan ijazah undang-undang negara-negara Asia seperti Jepun, Korea dan Indonesia. Bahan-bahan undang-undang Malaysia dan undang-undang Islam juga boleh didapati di Perpustakaan tersebut.

Yang amat dihargai oleh saya ialah pengalaman yang dapat saya perolehi dalam penggunaan teknologi baru untuk sains perpustakaan. Bahagian Katalog di Perpustakaan Undang-undang, University of Washington, misalnya, menggunakan sistem automasi bibliografis Washington Library Network (WLN) secara 'on-line' menerusi 'terminal' dan 'high-speed printer'. Saya diberi latihan dalam cara menggunakan 'terminal' WLN tersebut untuk penyelidikan bibliografi, khasnya untuk pengkatalogan dan pemerosesan bahan-bahan baru. Sistem ini juga digunakan untuk penyelenggaraan permintaan-permintaan pinjaman antara perpustakaan dari seluruh negara. Ini dapat dilaksanakan oleh kerana pegangan-pegangan bahan semua perpustakaan yang melanggan kepada sistem WLN ini sedia ada dalam 'data base' melalui 'terminal'. Saya berpeluang mengetahui betapa luasnya 'data base' sistem WLN ini dan juga keupayaan-keupayaan penyelidikannya.

Dengan adanya sistem automasi tersebut Perpustakaan Undang-undang dapat memproses bahan-bahan yang diperolehnya dengan begitu cepatnya sehingga tiada terdapat sebarang lantukan ('backlog') dalam pengkatalogan bahan-bahan.

Perpustakaan Besar University of Washington yang saya juga berpeluang melawat menggunakan sistem automasi Ohio College Library Center (OCLC), iaitu suatu sistem yang digunakan oleh sebilangan besar perpustakaan di seluruh Amerika Syarikat. Sistem jaringan OCLC ini juga digunakan secara 'on-line' melalui 'terminal' dan 'high-speed printer' oleh Perpustakaan Besar, University of Washington. Sejumlah sepuluh 'terminal' disediakan untuk penggunaan Perpustakaan tersebut bagi pengkatalogan dan pemerosesan buku dan majalah, pemesanan bahan, pengeluaran katalog, penyelidikan, dan pinjaman antara perpustakaan. Ingin saya maklumkan di sini bahawa Perpustakaan Besar, University of Washington, adalah juga sebuah perpustakaan akademik yang terbesar di Amerika Syarikat dengan koleksi yang berjumlah lebih dari 4.5 juta jilid buku dan 3 juta naskah dalam bentuk mikroform serta sebilangan 50,000 judul majalah.

Di Perpustakaan Undang-undang University of Puget Sound, Tacoma, dan State Law Library di Olympia, Washington, yang saya lawati terdapat pula sistem-sistem automasi penyelidikan undang-undang LEXIS dan

WESTLAW. Sistem-sistem ini berupaya memudahkan dan mempercepatkan dapat kembali maklumat tentang undang-undang serta kes-kes Amerika Syarikat secara 'full-text retrieval' melalui 'terminal' dan 'high-speed printer'. Pensyarah-pensyarah, peguam-peguam dan penyelidik-penyalidik undang-undang tidak perlu lagi menghabiskan masa mereka untuk mencari maklumat secara tradisional dari beratusan jilid laporan undang-undang dan bahan-bahan statut. Namun penuntut-penuntut undang-undang juga digalakkan mempelajari cara menggunakan sistem-sistem automasi ini untuk keperluan mereka sendiri.

Saya menghargai juga peluang yang diberi kepada saya untuk menyertai kelas-kelas penyelidikan undang-undang yang dijalankan oleh Professor Robert Berring. Kuliah-kuliah beliau dapat mendalamkan lagi pengetahuan dan pengertian saya tentang sistem dan struktur undang-undang Amerika Syarikat serta bahan-bahannya.

Pertemuan saya dengan Professor Margaret Chisolm, Pengarah, Sekolah Sains Perpustakaan, University of Washington, juga memberi peluang kepada saya untuk membincang dengan beliau aliran-aliran kini dalam pengajaran sains perpustakaan dan maklumat pada amnya, dan organisasi serta struktur Sekolah Sains Perpustakaan, University of Washington, khasnya.

Pada keseluruhannya, saya dapat bahawa program lawatan sambil belajar ini adalah satu pengalaman yang positif dan amat berfaedah bagi saya dari segi pengetahuan profesional ilmu perpustakaan undang-undang khasnya dan sains perpustakaan pada amnya.

BERKURSUS SAINS PERPUSTAKAAN DI AMERIKA SYARIKAT

oleh

TEH KANG HAI

Perpustakaan Perubatan, Universiti Malaya

Kursus Master of Library Science (M.L.S.) di College of Library and Information Services (CLIS), University of Maryland, ialah program yang biasanya memakan masa sepanjang dua tahun. Untuk dianugerahkan ijazah tersebut seorang pelajar haruslah mengumpulkan sejumlah 36-credit hours dan gred-grednya bagi semua kursus yang diikuti tidak boleh kurang dari purata gred B. CLIS menawarkan banyak kursus tiap-tiap tahun dan kebanyakan kursus tersebut dapat diikuti pada dua semester biasa dan juga kursus-kursus pilihan ditawarkan pada dua sessi musim panas. Para tenaga pengajar CLIS terdiri dari kakitangan sepenuh masa serta kakitangan sambilan. Mereka mempunyai banyak pengalaman dan merupakan pakar sains perpustakaan dalam bidang masing-masing. Mereka juga banyak menyumbang melalui penerbitan-penerbitan dalam sains perpustakaan dan kebanyakannya dari mereka juga menulis buku-buku teks.

Kursus-kursus di CLIS distrukturkan demi memberikan kelonggaran (flexibility) kepada tiap-tiap pelajar supaya mengambil kursus-kursus yang lebih berkaitan kepada program pengajiannya. Program pengajian tiap-tiap pelajar dirancang secara peribadi melalui perbincangan bersama dengan penasihat akademik yang diperlukan kepada tiap-tiap pelajar. Selain daripada tiga kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar, pada keseluruhannya kami bebas memilih kursus-kursus lain yang lebih berkaitan dengan program kami sendiri.

Kerja-kursus bagi tiap-tiap kursus amat berat dan ini menjadikan seseorang yang mengikutinya sentiasa sibuk. Ada kursus-kursus yang lebih berat kerja-kurususnya dari kursus-kursus lain. Setengah kursus 'seminar' dikendalikan secara diskusi dan penyelidikan. Kursus 'field study' dan pengajian bebas (independent study) membolehkan pelajar mengkaji sesuatu aspek masalah perpustakaan yang diminatinya, atau mendapat pengalaman bekerja di salah satu perpustakaan yang dipilih sendiri, seperti perpustakaan awam, akademik, khas dan lain-lain. Mempelajari kursus sains perpustakaan di kawasan Metropolitan Washington amat berfaedah. Library of Congress, National Agriculture Library, Smithsonian Institution dan banyak perpustakaan besar lain, selalu sedia mengambil pelajar-pelajar sains perpustakaan untuk bekerja di perpustakaan mereka sebagai 'field study'.

Siapakah golongan pelajar lepas ijazah sains perpustakaan di Amerika Syarikat? Keadaan di CLIS boleh dikatakan mencerminkan keadaan yang sama di universiti-universiti lain. Seperti yang disangka, kebanyakan pelajar terdiri dari kaum wanita. Juga kebanyakan mereka telah berkeluarga dan bekerja sambilan dalam lapangan yang ada kaitan dengan perpustakaan. Ada yang kembali belajar selepas beberapa tahun mendirikan rumah tangga dan anak-anak mereka telah besar. Ada beberapa yang sedang memegang kerja sepenuh masa tetapi tidak mempunyai kelayakan profesional. Di CLIS, umpamanya ada pelajar-pelajar yang bekerja sepenuh masa di LC, NLM dan lain-lain. Mereka biasanya mengikuti satu dua kursus sahaja dalam satu semester dan memilih kelas-kelas yang

berkumpul pada waktu petang atau malam. Dari Malaysia, ada dua orang pelajar lain yang mengkaji sains perpustakaan di University of Maryland. Kedua mereka ini adalah pelajar dari Kementerian Pelajaran, dan dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia. Mereka terlibat dalam perpustakaan sekolah pada peringkat negeri.

Seperti yang telah disebutkan di atas, pelajar-pelajar di CLIS datang dari pelbagai latarbelakang dan mereka berhasrat bekerja dalam berbagai perpustakaan yang diminati setelah menamatkan kursus. Kursus-kursus yang seseorang pelajar mengikuti haruslah ada kaitan dengan tujuannya kemudian. Seperti yang kita telah mengetahui, penggunaan komputer telah membawakan kesan atas kerja-kerja di perpustakaan. Oleh yang demikian, tidaklah hairan jika kursus-kursus berkenaan dengan penggunaan komputer dalam perpustakaan dan juga kursus-kursus lain yang seumpamanya, adalah kursus-kursus yang popular. Kursus Data processing dalam perpustakaan adalah satu kursus yang lebih banyak pelajarnya. Kursus Advanced reference yang menjitikberatkan cara-cara atau strategi menjalankan 'on-line searching' juga amat popular. Tetapi memandangkan kos yang dilibatkan dalam 'on-line searching', kelas tersebut adalah dihadkan kepada lebih kurang dua puluh orang pelajar sesemester. Dalam kursus tersebut, pelajar diajari menjalankan 'search' melalui data base DIALOG, ORBIT dan MEDLINE. Boleh dikatakan, mereka yang mempunyai pengalaman dalam 'data base searching', khususnya dalam pelbagai data base (multiple data base), tidak akan menghadapi banyak kesulitan mendapat kerja. Ada perpustakaan yang memerlukan pustakawan untuk 'data base searching' sahaja. Pengalaman dalam aspek lain penggunaan komputer di perpustakaan juga berfaedah dari segi mencari kerja, seperti pengalaman menggunakan data base OCLC untuk kerja katalog. Bertentang dengan apa yang kita fikir, penggunaan komputer untuk katalog-mengkatalog tidak akan membawa kepada keadaan di mana tenaga pengkatalog tidak diperlukan lagi. Di Amerika Syarikat, masih banyak perpustakaan yang mengiklankan jawatan kosong untuk pengkatalog-pengkatalog.

Pada keseluruhannya, peluang pekerjaan bagi siswazah-siswazah sains perpustakaan di Amerika Syarikat tidak begitu cerah jika dibandingkan dengan keadaan dahulu. Majikan sekarang lebih selektif. Mereka ingin siswazah yang mempunyai kemahiran khas seperti 'on-line searching' yang telah disebutkan tadi atau kemahiran lain. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar 'dipaksa' specialize. Di kawasan Metropolitan Washington peluang bagi pustakawan adalah lebih baik sedikit, khususnya kerja sambilan. Oleh kerana Washington ialah ibu negara, ada banyak kontrak kerajaan yang selalu memerlukan tenaga pustakawan untuk menjalankan kerja-kerja bagi agensi-agensi kerajaan. Oleh kerana itu ada banyak 'information vendors' yang memerlukan pustakawan yang mahir untuk mengkatalog buku atau mengindeks. Banyak 'Clearing-house' menjalankan kerja seperti ini. Ada juga 'information vendors' yang sanggup membuat kerja 'retrospective conversion' untuk perpustakaan.

Bagi mereka yang suka menjadi 'boss' sendiri, mereka boleh menjadi 'information broker' dan membuat 'searches' dan menyusun bibliografi bagi orang lain, syarikat-syarikat, dan lain-lain, dan mereka dibayarkan yuran 'per job basis'. Ada juga syarikat-syarikat yang memerlukan pustakawan sebagai pekerja sambilan sahaja untuk mengorganisasikan koleksi mereka. Syarikat-syarikat tersebut ingin menjimatkan wang dengan cara ini oleh sebab koleksi mereka tidak begitu besar. Mereka memerlukan pustakawan untuk mengkatalog bahan-bahan dan mengendalikan sistem pinjaman bagi mereka. Di Maryland, National Library of Medicine juga menawarkan kerja mengindeks kepada orang-orang yang pilih membuat kerja ini di rumah masing-masing. Mereka diberikan latihan terlebih dahulu dalam kerja mengindeks bagi *Index Medicus*, dan selepas itu mereka mengindeks majalah-majalah dan dibayar yuran berdasarkan kepada jumlah artikel yang diindeks.

Apa yang disebutkan di atas ialah setengah daripada aspek-aspek pengajian sains perpustakaan di Amerika Syarikat serta peluang-peluang pekerjaan bagi siswazah-siswazah dalam bidang ini. Diharap laporan ini dapat memberikan sedikit sebanyak pandangan berkenaan keadaan yang siswazah sains perpustakaan menghadapi di sana buat bandingan dengan keadaan yang kita mengalami di sini.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMBACA

Bahagian Referensi yang lama dirombak semula untuk menjadi Bahagian Perkhidmatan Pembaca. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Memberi bantuan bagi pertanyaan-pertanyaan rujukan dan maklumat ringkas kepada para pembaca.
2. Memberi perkhidmatan bibliografis kepada pembaca. Ini termasuk penyediaan bibliografi untuk kakitangan akademik dan penyelidik-penyelidik dari masa ke semasa.
3. Salinan-salinan bibliografi yang disedia itu dikumpul, diindeks dan disimpan dalam Bahagian untuk rujukan para pembaca.
4. Memberi perkhidmatan penyebaran maklumat pilih (SDI service). Ini termasuk perkembangan perkhidmatan maklumat kini secara 'data base searches' melalui komputer. Melalui projek SISMAKOM, Library Aid Programme (National Library of Australia) dan perkhidmatan dari Asian Institute of Technology di Bangkok, beberapa kakitangan akademik sedang atau telah diberikan perkhidmatan penyiasatan maklumat berkomputer.
5. Mengelolakan latihan perkhidmatan pembaca (Reader Education Programme) kepada kumpulan-kumpulan pelajar secara khas mengikuti kursus-kursus mereka. Perkhidmatan ini termasuk cara menggunakan bahan-bahan perpustakaan, cara menulis tesis dan kajian dan cara mencari penerangan dari bahan-bahan rujukan. Kit-kit atau 'audiovisual packages' akan disedia dan diletakkan di tempat-tempat tetap di Perpustakaan supaya sepanjang tahun para pelajar dapat mengetahui tentang kesemua perkhidmatan yang disediakan untuk mereka.
6. Mengindeks majalah-majalah kini untuk mengutip perkara-perkara mengenai Malaysia. Sebanyak 150 tajuk majalah sedang disemak untuk maksud ini. Fail indeks ini terletak di Bahagian ini untuk rujukan para pengguna.
7. Menyemak akhbar tempatan untuk berita mengenai persidangan-persidangan. Kertas kerja-kertas kerja persidangan yang diadakan di Malaysia diindeks untuk kemudahan rujukan.
8. Membantu mendirikan pameran-pameran anjuran Perpustakaan dan pihak-pihak luar.
9. Menyelaras semua usaha perpustakaan untuk memberi perkhidmatan kepada penyelidik yang datang ke Perpustakaan untuk penerangan dan pertolongan.

Kakitangan profesional di Bahagian ini ialah Tunku Noraidah (Ketua Bahagian) dan Puan Devinder Kaur.

PAMERAN

Pameran 'Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa' di Perpustakaan Besar, 5–17 April 1982

Bersempena dengan perayaan menyambut ulang tahun yang kesepuluh Pusat Bahasa, satu pameran bertajuk 'Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa' akan diadakan di Perpustakaan Besar mulai 5 hingga 17 April 1982. Waktu pembukaan pameran ialah dari 9.00 pagi sehingga 3.30 petang pada hari Isnin sampai hari Khamis, dan dari 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari pada hari Jumaat dan Sabtu.

Antara yang akan dipamerkan ialah buku-buku teks, majalah-majalah dan buku-buku rujukan Perpustakaan yang digunakan untuk mengajar pelbagai bahasa di Pusat Bahasa, seperti Bahasa Malaysia, Inggeris, Arab, Belanda, Cina, Jepun, Jerman, Perancis, Rusia, Tagalog, Tamil dan Thai.

MALMARC DAN KATALOG COM

Perpustakaan Besar

Perpustakaan telah menjalani langkah ke alam penggunaan komputer dengan menjadi anggota sistem MALMARC (Malaysian Machine Readable Catalogue) yang berpusat di Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1 Januari 1982, katalog berbentuk kad di Perpustakaan Besar telah ditutupkan. Ini bermakna semua butiran katalog bagi bahan-bahan yang dikatalog dari 2 Januari 1982 tidak akan disediakan dalam bentuk kad untuk disusun dalam kabinet-kabinet di Dewan Katalog. Langkah ini sudah tentu memerlakukan perubahan yang sudah biasa dengan sistem ini untuk mengetahui samada bahan-bahan yang diperlukan mereka ada atau tidak dalam Perpustakaan. Tetapi perkembangan pesat dalam teknologi telah merangkumi hampir semua aspek kehidupan dan katalog kami tidak dapat melepaskan diri daripada cengkamannya. Ini adalah hakikat kehidupan dan satu gejala yang menyentuh banyak perpustakaan besar dan kecil di seluruh dunia.

Di bawah sistem baru ini, Perpustakaan menggunakan salah satu daripada tanda unik yang terdapat dalam tiap-tiap buku sebagai tanda pengawalannya. Ini biasanya ialah nombor ISBNnya (International Standard Book Number) atau nombor LCnya (Library of Congress card number). Nombor-nombor ini dikirim melalui teleks kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia untuk dimasukkan ke dalam data base MARC di USM. Jika butir-butri katalog bagi bahan-bahan tersebut tersedia ada dalam data base, butir-butir ini akan dicetak. Cetakan ini dipanggil diagnostic printout. Printout ini dikirim kembali kepada kami untuk suntingan dan bandingan dengan buku dalam tangan. Diagnostic printout yang telah diubahsuai dikirim semula ke USM untuk dimasukkan ke dalam fail Universiti Malaya. Bagi buku-buku yang tidak ada diagnostic printout, iaitu bahan-bahan yang tiada dalam data base MARC, kami akan mengkatalog buku-buku tersebut dengan menggunakan borang-borang khas yang kemudian dikirim ke USM untuk dimasukkan ke dalam fail UM.

Katalog-katalog bulanan dalam bentuk printout akan dijilid dan diletakkan di Dewan Katalog untuk rujukan para pengguna. Kumulasi sukutuhanan akan dikeluarkan dalam bentuk COM (Computer Output Microfiche). Tiap-tiap fis berukuran 10 x 15 cm dan mengandungi 4,000 butiran. Fis-fis ini akan dinomborkan untuk kesenangan. Alat-alat membaca microfis telah diperolehi dan meja-meja khas untuknya sedang dibina di Dewan Katalog dan di dewan-dewan lain. Saudara/saudari akan ditunjukajar cara-cara menggunakan katalog COM.

Dengan menggunakan automasi untuk memproses buku-buku yang diperolehi, Perpustakaan dapat meletakkan buku-buku tersebut di rak-rak untuk penggunaan saudara/saudari dalam masa yang lebih cepat jika berbanding dengan cara lama. Penyusunan ribuan kad-kad dalam kabinet-kabinet juga dielakkan. Sebarang senarai bibliografi seperti karya-karya seseorang penulis atau mengenai sesuatu perkara tertentu dapat disediakan dengan mudah tanpa tertinggalnya mana-mana tajuk penting.

Perpustakaan Undang-Undang

Perpustakaan Undang-Undang telah mengambil keputusan turut serta dalam MALMARC mulai dari 1 Februari 1982. Dengan penyertaan ini Perpustakaan Undang-Undang tidak lagi menyimpan kad-kad katalog (pengarang, tajuk dan perkara) kecuali kad katalog yang ringkas untuk makluman pembaca sehingga COM fis atau cetakan komputer siap. Kerani yang bertugas menfail kad-kad katalog juga dilatih semula untuk tugas baru yang berkaitan dengan proses pengkomputerisasi seperti mencatitkan nombor pengawasan dan borang untuk naskah-naskah tambahan. Oleh kerana perpustakaan ini mempunyai sistem pengkelasaran berdasarkan Los Angeles County Law Library yang berbeza daripada pengkelasaran Library of Congress, tiap-tiap entri masih lagi dikelaskan oleh pegawai ikhtisas selain dari suntingan yang biasa. Namun begitu Perpustakaan Undang-Undang berharap mendapat faedah dari sekim kerjasama seluruh perpustakaan yang terlibat, iaitu Perpustakaan Negara dan semua perpustakaan universiti di Malaysia.

(Laporan ini disediakan oleh Puan Mercy Selvaratnam, Bahagian Katalog dan Puan Shaikha Zakaria, Pustakawan Undang-Undang.)

SISMAKOM

SISMAKOM, akronim untuk Sistem Maklumat Berkompputer adalah satu projek yang berpusat di Universiti Sains Malaysia untuk dapat kembali maklumat secara berkompputer (computer retrieval of information). Perkhidmatan ini ditawarkan oleh USM secara percuma sehingga akhir tahun 1982 kepada sepuluh orang penyelidik dari tiap-tiap Universiti, iaitu, Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Universiti Teknologi dan Universiti Malaya. Sistem penyiasatan data base atau pita-pita berkompputer dipasangkan di USM pada tahun 1980. Di bawah naungan UNESCO, data base *Chemical Abstracts* (CA) ditawarkan sebagai konsesi, dan data base *Food Science and Technology Abstracts* (FSTA) secara percuma kepada USM.

Data Base Yang Disiasat

Chemical Abstracts, terbitan Chemical Abstracts Service Division of the American Chemical Society adalah perkhidmatan penyarian yang paling lengkap dalam bidang kimia dan teknologi kimia. CA meneliti sebanyak 12,000 majalah yang dikeluarkan dalam lebih dari 100 buah negara dan dalam 50 bahasa. Paten-paten disertasi, laporan penyelidikan, kertaskerja-kertaskerja persidangan dan artikel ulasan semuanya dimasukkan ke dalam sistem sarian ini. Salinan berkomputer CA dalam bentuk pita dikeluarkan mingguan. Ini mengandungi data bibliografi sepenuhnya tetapi sarian dikurangkan kepada kata punca sahaja.

Pita FSTA, seperti salinan cetakannya dikeluarkan bulanan dan meliputi bidang sains dan teknologi makanan.

Di bawah projek SISMAKOM, pita-pita diterima dan CA disiasat dwimingguan sementara FSTA pula bulanan. Perkhidmatan ini dihadkan kepada perkhidmatan maklumat kini (Current Awareness Service). USM pada masa ini, tidak mempunyai kemudahan kumulat pita-pita untuk menjalankan penyiasatan retrospektif.

Bengkel SISMAKOM di USM, Pulau Pinang

Satu bengkel SISMAKOM dianjurkan oleh USM dari 10–11 Februari 1982 untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai perpustakaan dari perpustakaan-perpustakaan universiti tempatan untuk menggunakan perkhidmatan SISMAKOM.

Dua orang pegawai dicalon mengambil bahagian dalam bengkel ini. Tugas memilih 10 orang kakitangan akademik sebagai pengguna sistem ini, diserahkan kepada ketua-ketua Jabatan Kimia, Biokimia dan bahagian pemakanan. Oleh sebab projek ini adalah projek percubaan, tanggungjawab pengguna terhadap perkhidmatan ditegaskan. Mereka diwajib memberi "feedback" melalui soalselidik penilaian maklumat penyelidik yang diterima.

SISMAKOM, Perpustakaan UM dan Golongan Akademik

Lapan daripada sepuluh pengguna adalah kakitangan akademik dari Jabatan Kimia, satu pengguna dari Jabatan Biokimia, dan satu lagi dari Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan. Tiga lagi kakitangan akademik melalui Institut Pengajian Tinggi telah diterima masuk dalam perkhidmatan ini. Jabatan-jabatan tersebut adalah yang banyak sekali menggunakan CA dan FSTA. Penyelidik-penyalidik lain yang berminat memasuki SISMAKOM boleh berbuat demikian dengan menghubungi pegawai perpustakaan di Bahagian Perkhidmatan Pembaca. Tetapi mereka akan dikenakan bayaran belanja awal (overhead charges) sebanyak \$120/- setahun bagi data base CA dan \$60/- setahun bagi data base FSTA. 15 sen dikenakan tiap-tiap petikan (hit) dalam printout. Belanja pos juga dikenakan. Bayaran ini adalah seperti yang ditetapkan oleh USM.

Satu kumpulan pegawai perpustakaan mengendalikan perkhidmatan SISMAKOM ini. Meja penerangan untuk melayan para penyelidik akan disediakan di Bahagian Perkhidmatan Pembaca.

Penutup

SISMAKOM bukannya pertama kali golongan akademik UM diberikan perkhidmatan dapat kembali maklumat secara berkomputer. Perpustakaan Negara Australia melalui Library Aid Programmenya telah menawarkan penyiasatan beberapa data basenya secara percuma kepada 9 orang kakitangan akademik UM semenjak awal tahun 1981. Asian Institute of Technology di Bangkok juga turut memberi perkhidmatan seperti ini.

Adalah diharapkan bahawa universiti-universiti tempatan akan menggembelingkan sumber dan menggubal satu dasar kerjasama untuk melanggan kepada beberapa data base (yang memang terlalu mahal) berasingan supaya dapat memberi perkhidmatan kepada para penyelidik dan golongan akademik di negara kita secara ekonomik.

(Laporan ini disediakan oleh Puan Devinder Kaur)